

▼15/10/23-10MST

CNS7621

U GB 15-10 00097 BH409

AAB

MAHATHIR SAHKAN GHAFAR LETAK JAWATAN TPM

I

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan malam ini bahawa Encik Ghafar Baba telah meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, beliau telah menerima surat perletakkan jawatan Ghafar yang bertarikh hari ini dan sedang menimbang sama ada untuk menerimanya atau tidak.

Perdana Menteri memberitahu demikian kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sebelum berlepas untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komawel di Cyprus. -- Bernama.

SJ KAN.

▼15/10/23-54MST